

NAMA : NOR AZLIA AZIERA BINTI ABD SHUKOR
NO. MATRIK : A18SC0428
KURSUS : UICL2302-16 PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI

HARAPAN TERHADAP KURSUS UICL 2302 PEMIKIRAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Harapan saya terhadap kursus Pemikiran Sains Dan Teknologi ini ialah saya dapat menambah ilmu tentang perkembangan pemikiran sains dan teknologi dari zaman ianya tercipta hingga sekarang. Pada pendapat saya, kursus ini akan membincangkan tentang bagaimana sains dan teknologi mempengaruhi pemikiran manusia dalam kehidupan seharian. Kursus ini dapat melahirkan insan yang mampu berfikir secara rasional dan dapat mengubah cara pemikiran manusia terhadap sains dan teknologi. Selain itu, manusia perlu menggunakan pemikiran sains dan teknologi mereka dengan bijak agar dapat menghasilkan teknologi yang canggih bagi memudahkan urusan masyarakat sama ada melalui aspek ekonomi mahupun sosial. Bagi umat Islam kewujudan sains dan teknologi tidak bermakna jika tidak berlandaskan agama dan hanya bergantung kepada akal fikiran semata-mata. Ilmu sains dan teknologi merupakan tuntutan fardu kifayah bagi umat Islam. Dengan adanya kursus ini, tuntutan tersebut dapat dipenuhi. Bagi saya, kursus ini dapat memberi pelbagai manfaat kepada pelajar aliran sains seperti saya. Kursus ini dapat memudahkan saya untuk menggunakan teknologi sebagai salah satu medium untuk memperolehi maklumat dan lebih menghargai kewujudan sains dan teknologi di dunia ini. Saya berharap agar saya dapat memahami dan mengaplikasikan ilmu yang bakal dipelajari daripada kursus ini. Saya juga berharap agar dapat menyelesaikan segala tugas yang diberi oleh pensyarah dengan baik dan tepat pada masanya. Selain itu, saya berharap agar tugas berkumpulan yang diberikan oleh pensyarah dapat mengeratkan hubungan antara saya dan ahli kumpulan yang juga merupakan rakan sekelas saya. Akhir sekali, saya berharap agar dapat memperolehi gred yang cemerlang bagi kursus ini dengan bantuan dan tunjuk ajar pensyarah serta rakan-rakan.